

Tingkshop

Dapur Minyak Tanah
Perbuatan Amerika:
Cap Kekupu



Muka atasnya terlengkap dengan timah sari yang kukuh:
Bersih
Ada membawa satu bauan
Kurang memakan minyak tanah.

Lampu Pam:
Cap Bintang
Cap Kekupu
Cap Mata



Terang dan
kurang memakan
minyak tanah.

"Butterfly" mantle

NO.999

Pembahagi Khas:

LEA HIN Co.,
231, South Bridge Road, Singapore.
Tel: 3166 - T. A. "CHINALAMP"

AGAMA ITU NASIHAT

Tawaduk ertinya pada lughah ialah merendahkan diri; dan ertinya pada maksud agama ialah berlemah lembut, merendah diri dan mengalah dengan cara yang patut sekira-kira tidak dipandang hina dan tidak dipandang sompong pendek kata bolehlah dikata tawaduk itu sebalik daripada sompong.

Allah berfirman yang maksudnya: "Rendahkanlah sayapmu untuk orang-orang yang menurut kamu dari Muslimin." - (Al-Quran surah Syu'ara ayat 215)

Rasulullah (SAW) bersabda (maksudnya): "Sesungguhnya Allah telah memberi wahyu kepadaku bahawa hendaklah kamu tawaduk supaya seorang tidak menyombong atas seorang dan supaya seorang tidak melewati batas atas seorang." (Hadis Sahih riwayat Muslim dan Abu Daud).

Ayat dan hadis itu memerintah supaya kita bertawaduk kerana dalam tawaduk itu akan hilang sifat sompong dan aninya daripada kita. Selain daripada perintah-perintah supaya kita tawaduk ada pula beberapa ayat dan hadis yang menggemarkan kita supaya bertawaduk dan tidak menyombong. Firman Allah (maksudnya): "Negeri akhirat itu kami jadikan untuk orang yang tidak mahu sompong di bumi dan tidak rusuh, kerana kesudahan yang baik itu adalah bagi orang-orang yang berbakti (surah Al-Qasas ayat 83).

Firman Allah lagi (maksudnya): "Janganlah engkau palingkan muka kamu daripada manusia dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan sompong kerana Allah tidak suka kepada orang yang congkak, sompong" (Al-Quran surah Al-Luqman Ayat 18)

Rasulullah (SAW) bersabda (maksudnya): "Tidak tawaduk seseorang melainkan Allah akan memuliakan dia." (Hadis Sahih riwayat Muslim dan Tarmizi).

Sabdanya lagi (maksudnya) : "Barangsiapa tawaduk kepada saudaranya yang Muslim nescaya Allah muliakan dia dan barangsiapa sompong atasnya nescaya Allah rendahkan dia." (Hadis Sahih riwayat Tabrani)

Sabda Rasulullah (SAW) (maksudnya): "Beruntung orang yang tawaduk bukan pada kehinaan dan menghina diri bukan pada meminta-minta" (Hadis riwayat Abu Umar).

Oleh sebab tawaduk itu suatu sifat yang sangat mustahak dan terpuji maka dengannya terlampaui banyak ulama-ulama dan hukama-hukama memberi pandangan di atas perkara ini. Urwah bin Zubair berkata: "Tawaduk itu satu daripada tanda kemuliaan."

Jaafar bin Muhammad berkata: "Punca kebaikan itu ialah tawaduk.

Kata Ibnu Al-Samak: "Tawaduk itu di dalam kemuliaan, lebih mulia bagi kamu daripada kemuliaan kamu."

Maslahuddin Saadi berkata: "Tawaduk itu jika engkau jadikan adat kamu nescaya manusia jadi sahabat kamu."


Kata seorang alim: "Hai anakku carilah ketinggian dengan tawaduk dan carilah kemuliaan dengan agama."

Ada orang berkata: "Barangsiapa yang merendahkan dirinya di bawah batasnya nescaya manusia mengangkatnya lebih daripada batasnya."

Ada orang berkata kepada Abu Bakar bin Abdullah: "Ajarlah saya bertawaduk" Maka Abu Bakar mengajarnya: "Kalau engkau lihat orang yang lebih tua daripada kamu maka kalah di dalam hati kamu orang ini telah terdahulu daripadaku pada mengerjakan amal salih. Oleh itu adalah ia lebih baik daripadaku.

Kalau engkau lihat orang yang lebih muda daripada kamu maka hendaklah engkau berkata di dalam hati – aku telah terdahulu daripadanya pada mengerjakan maksiat. Oleh itu adalah ia lebih baik daripadaku."

Mudah-mudahan dengan pengajaran Allah dan Rasul-Nya itu hilanglah sifat sompong daripada kita berganti dengan tawaduk yang akan jadi satu perantaraan untuk mencapai keredhaan Allah di dunia dan akhirat; dan jadi suatu sebab yang teguh bagi dicintai manusia di dalam pergaulan hidup. (Disalin daripada Majalah Al-Lisan bilangan 8 bertarikh 25 Julai 1936).



Pesan Segera!! Sudah siap!!!

Kitab

TA'LIM AL-LUGHATUL ARABBIYYAH

Kaedah pelajaran Nahu dan mempelajari Bahasa Arab dengan jalan yang sehabis-habis mudah huraiannya dengan Bahasa Melayu cukup terang serta disediakan beratus-ratus kalimah yang bermakna dan latihan-latihan bagi memudahkan faham dengan disediakan jawab-jawabnya pada muka yang akhir.

Dengan mempunyai kitab ini seolah-olah tuan menjemput seorang guru ke rumah tuan – harga sebuah \$2.00.

Sertakan belanja mengirim 10 sen mintalah kepada penyusunnya.

Muhammad Lazim bin Hj. Sai'm

Guru Besar Madrasah Al-Arabiah, Kluang, Johor.